



KERAJAAN NEGERI SABAH

[JPAN: 700-3/501/28]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 9/2011

PELAKSANAAN SARAAN BARU PERKHIDMATAN AWAM (SBPA) BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) bagi semua anggota tetap Perkhidmatan Awam Negeri mulai 1 Januari 2012 yang melibatkan struktur perkhidmatan iaitu merangkumi skim perkhidmatan, syarat perkhidmatan, gaji, elaun, kemudahan, dan persaraan serta faedah persaraan.

LATAR BELAKANG

2. Bertunjangkan penyampaian perkhidmatan yang mana rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan, maka inisiatif transformasi Perkhidmatan Awam akan dilaksanakan melalui SBPA yang berpaksikan kepada kepimpinan dinamik, Perkhidmatan Awam keajaiban, perkhidmatan yang fleksibel, modal insan berkualiti dan saraan yang kompetitif. Ia menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang berkuat kuasa sejak tahun 2002.
3. Transformasi Perkhidmatan Awam adalah diperlukan untuk menjayakan agenda pembangunan negara yang termaktub di bawah Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan, Model Baru Ekonomi, Rancangan Malaysia Kesepuluh dan inisiatif-inisiatif pembangunan yang lain.

KANDUNGAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2011 (Dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia)

4. Pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam di peringkat Persekutuan diumumkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2011. Oleh itu, sejauh mana berkenaan, kandungan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2011 yang melibatkan perubahan struktur perkhidmatan, skim-skim perkhidmatan, gaji, elaun,

kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan adalah diterima pakai bagi anggota tetap Perkhidmatan Awam Negeri.

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH 2008 DAN PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH

5. Selaras dengan penerimaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2011, mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah 2008, Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah atau peraturan-peraturan lain yang perlu dipinda, diubah suai atau dimansuhkan akan dikaji semula. Walau bagaimanapun, mana-mana peruntukan atau peraturan yang tidak disentuh oleh Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2011 akan terus berkuat kuasa.

TAWARAN OPSYEN

Opsyen

6. Opsyen hanya akan diberi kepada anggota tetap yang sedang berkhidmat pada 1 Januari 2012. Anggota tetap adalah yang dilantik ke jawatan tetap termasuk yang dalam percubaan, tukar sementara dan peminjaman.
7. Bagi anggota yang bersara, meletak jawatan atau dibuang kerja berkuat kuasa pada 1 Januari 2012 atau sebelumnya, opsyen tidak ditawarkan kerana anggota tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 1 Januari 2012.

Tempoh Opsyen

8. Opsyen hendaklah dibuat dalam tempoh 15 hari mulai 16 Disember 2011 hingga 30 Disember 2011.
9. Tawaran opsyen kepada semua anggota yang layak akan diuruskan oleh pengurus sumber manusia Kementerian/Jabatan/agensi masing-masing. Adalah menjadi tanggungjawab anggota untuk mengisi pilihan opsyen sama ada menerima atau tidak menerima opsyen dan menandatangani Borang Opsyen serta Surat Akuan Penerimaan Surat Tawaran Opsyen. Borang dan surat yang telah lengkap diisi hendaklah dicetak dan dikembalikan kepada Ketua Jabatan masing-masing sebelum atau pada 30 Disember 2011.

Syarat-Syarat Opsyen

10. Opsyen hendaklah dibuat tanpa syarat. Anggota disifatkan sebagai tidak bersetuju menerima opsyen SBPA sekiranya tidak membuat pilihan atau membuat pilihan secara tidak jelas (menanda di luar ruangan yang sepatutnya atau menanda di kedua-dua ruangan) atau dengan bersyarat atau dengan bantahan atau dengan pindaan. Anggota juga disifatkan sebagai tidak bersetuju menerima opsyen SBPA jika tidak mengembalikan borang opsyen kepada Ketua Jabatan tanpa sebarang sebab yang munasabah sebelum atau pada 30 Disember 2011.
11. Opsyen yang ditawarkan kepada anggota adalah berdasarkan kepada maklumat perkhidmatan dalam borang opsyen. Sekiranya maklumat yang dikemukakan tidak tepat dan menyebabkan tawaran yang salah diberikan, maka tawaran tersebut hendaklah dianggap tidak sah dan terbatal. Ketua Jabatan hendaklah memberikan borang opsyen baru kepada anggota untuk membuat pemilihan dan menandatangani.
12. Opsyen hendaklah dibuat oleh anggota yang berkenaan. Sekiranya terbukti terdapat anggota lain yang membuat pilihan dan menandatangani borang opsyen bagi pihak anggota yang berkenaan, anggota yang menandatangani borang opsyen bagi pihak anggota berkenaan boleh dikenakan tindakan tatatertib. Opsyen tersebut hendaklah dianggap tidak sah dan terbatal. Ketua Jabatan hendaklah memberikan borang opsyen baru kepada anggota untuk membuat pemilihan dan menandatangani.

Pelaksanaan Opsyen

13. Pelaksanaan opsyen adalah seperti berikut:
 - 13.1 bagi anggota yang telah menerima opsyen dan kemudiannya meletak jawatan atau ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja sebelum 1 Januari 2012, maka tawaran ini adalah dengan sendirinya terbatal.
 - 13.2 bagi anggota yang ditahan kerja atau digantung kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib sebelum 1 Januari 2012, apa-apa faedah yang layak diberi kepada anggota akan diselaraskan dengan sewajarnya melainkan jika Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja kepada anggota yang berkuat kuasa sebelum 1 Januari 2012.
 - 13.3 bagi anggota yang dikenakan perintah tahanan, kediaman terhad, buang negeri, deportasi atau apa-apa bentuk perintah sekatan atau pengawasan sama ada dengan bon atau selainnya di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa sebelum 1 Januari 2012, apa-apa faedah yang layak

diberi akan diselaraskan dengan sewajarnya melainkan jika Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja kepada anggota yang berkuat kuasa sebelum 1 Januari 2012.

- 13.4 bagi anggota yang dibuktikan tidak menerima dokumen opsyen atas sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan, maka borang opsyen hendaklah diberi kepada anggota walaupun tempoh opsyen telah tamat dengan syarat anggota masih berkhidmat pada atau selepas 1 Januari 2012. Tempoh opsyen bagi anggota berkenaan adalah 15 hari daripada tarikh anggota menerima borang opsyen.
- 13.5 bagi anggota yang belum membuat opsyen kerana dalam tempoh opsyen itu anggota sakit yang menyebabkan anggota tidak berkeupayaan untuk membuat opsyen, tidak sedarkan diri atau koma dan anggota kemudiannya meninggal dunia pada atau selepas 1 Januari 2012, anggota adalah disifatkan sebagai telah menerima skim perkhidmatan serta terma dan syarat perkhidmatan SBPA.
- 13.6 bagi anggota yang belum dan juga telah membuat opsyen tetapi telah meninggal dunia sebelum 1 Januari 2012, maka tawaran dan opsyen yang telah dibuat adalah dengan sendirinya terbatal.
- 13.7 bagi anggota lantikan sementara, kontrak, Pekerja Sambilan Harian dan kaedah pelantikan bukan tetap yang lain, tidak layak ditawarkan opsyen.

Anggota Yang Tidak Memenuhi Syarat Pertukaran Ke Skim Perkhidmatan Baru

- 14. Anggota yang memiliki kelayakan seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SBPA, layak ditukarkan ke skim perkhidmatan tersebut.
- 15. Anggota yang tidak memiliki kelayakan atau tidak memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan (bukan ikhtisas) yang berkuat kuasa di bawah SBPA, perlu memenuhi syarat tempoh pengalaman dalam jawatan yang disandang berdasarkan prinsip tempoh pengalaman menggantikan kelayakan akademik atau penyandang perlu hadir dan lulus dengan jayanya kursus peralihan setara seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan. Prinsip tempoh pengalaman menggantikan kelayakan akademik adalah seperti berikut:
 - 15.1 sembilan (9) tahun (tamat Darjah 6 kepada PMR).
 - 15.2 enam (6) tahun (PMR kepada SPM).
 - 15.3 enam (6) tahun (SPM kepada STPM/ diploma).

16. Tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap di skim perkhidmatan jawatan semasa yang disandang tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji. Bagi skim perkhidmatan ikhtisas, tempoh pengalaman tidak boleh diguna bagi menggantikan kelayakan akademik.

Anggota Yang Cuti Berkursus, Cuti Separuh Gaji Atau Cuti Tanpa Gaji Dalam Tempoh Opsyen

17. Anggota yang cuti berkursus, cuti separuh gaji atau cuti tanpa gaji, opsyen hendaklah ditawarkan oleh Ketua Jabatan terakhir pegawai bertugas/ditempatkan.

Anggota Yang Dipinjamkan

18. Anggota yang dipinjamkan dan memegang jawatan Perkhidmatan Gunasama Negeri, opsyen ditawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN). Manakala anggota yang memegang jawatan jabatan, opsyen ditawarkan oleh Ketua Jabatan terakhir di mana anggota bertugas atau ditempatkan.

Opsyen Muktamad

19. Opsyen yang dibuat oleh anggota adalah **muktamad**.

Pemakaian Kepada Anggota Yang Tidak Bersetuju Menerima SBPA

20. Perkara yang disenaraikan ini akan juga terpakai kepada anggota yang tidak bersetuju menerima SBPA:
- 20.1 Penjumudan Skim Perkhidmatan.
 - 20.2 Bayaran Insentif Yang Ditambahkan Kadar.
 - 20.3 Dasar Bekerja Dari Rumah.
 - 20.4 Program Transformasi Minda.
 - 20.5 Penilaian Prestasi.
 - 20.6 Pingat Perkhidmatan Cemerlang.
 - 20.7 Dasar Pemisah.
 - 20.8 Umur Persaraan Paksa 60 Tahun.
 - 20.9 Kebolehalihan.
 - 20.10 Pembayaran Pencen Kepada Pesara Pilihan Diawalkan.
 - 20.11 Pengiraan Faedah Persaraan Bagi Persaraan Atas Kehendak Kerajaan.

TARIKH KUAT KUASA

21. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012.


AM

22. Segala keraguan/pertanyaan ke atas pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) hendaklah dirujuk ke Bahagian Saraan dan Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN).

PEMAKAIAN

23. Tertakluk kepada penerimaannya, Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.
24. Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah dibaca bersama dengan pekeling-pekeling lain yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(SUKARTI BIN WAKIMAN)

Setiausaha Kerajaan Negeri

**Jabatan Ketua Menteri
KOTA KINABALU**

Tarikh: 20 Disember 2011

s.k: Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil